

PM yakin Langkawi terus maju walaupun selepas bersara

LANGKAWI 7 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin bahawa Langkawi, sebuah tempat yang istimewa baginya, akan terus maju walaupun selepas beliau bersara kelak.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya sumpah Mahsuri tidak akan kembali ke Langkawi dan meminta rakyat Langkawi supaya terus berusaha membangunkan pulau perangnya itu.

"Saya yakin 'sumpah Mahsuri' tidak akan kembali ke Langkawi," katanya.

Sambil menyifatkan Langkawi sebagai tempat yang istimewa baginya sama ada untuk bekerja mahupun berehat, Perdana Menteri berkata, beliau akan terus melawat Langkawi walaupun selepas bersara kelak.

"Insya-Allah walaupun saya akan berhenti (bersara) 15 bulan 23 hari lagi, saya akan datang ke Langkawi dan tak akan lupa kepada Langkawi kerana kata doktor bila saya datang Langkawi, darah tinggi saya pun turun... inilah ubat yang mustajab sekali," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di hadapan lebih 500 penduduk Langkawi yang menyambut ketibaannya di sini, hari ini.

Dr. Mahathir dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali diberi sambutan meriah setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa

Langkawi selepas mengakhiri lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Perdana Menteri berkata, beliau berasa amat terharu dengan sambutan yang diberikan oleh penduduk Langkawi hari ini dan mengucapkan terima kasih di atas penghargaan tersebut.

"Perjumpaan ini memberi saya banyak perasaan sedih dan gembira kerana saya dapat Langkawi tempat yang istimewa untuk berehat dan bekerja, saya seronok tengok pembangunan yang pesat di Langkawi," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, beliau seronok melihat Langkawi terus membangun berbanding keadaannya yang mundur ketika beliau berkhidmat sebagai pegawai perubatan di sini pada tahun 1956.

Semasa bertugas di Langkawi ketika itu, Dr. Mahathir menambah, beliau tidak pernah terfikir dapat memainkan peranan untuk membangunkan Langkawi.

"Tetapi Alhamdulillah dengan izin Allah, saya dipilih dan akhirnya menjadi Perdana Menteri dan sebagai Perdana Menteri, berkuasa sedikit untuk membuat keputusan.

"Di antara keputusan yang amat bermakna ialah keputusan untuk membangunkan Langkawi untuk rakyat Langkawi," katanya.

Dr. Mahathir berkata, be-

liau juga mahu melihat projek-projek pembangunan di Langkawi termasuk projek kereta kabel di Teluk Burau disiapkan mengikut jadual.

Selepas majlis sambutan di lapangan terbang Dr. Mahathir terus ke Teluk Burau untuk meninjau projek kereta kabel yang bernilai RM46 juta.

Projek yang menghubungkan Kompleks Membeli-Belah Bersepadu Oriental Village dengan puncak Gunung Mat Chincang setinggi 708 meter itu, mulanya dijadual siap bulan lalu dan mengadakan perkhidmatan percubaan bulan ini.

Perdana Menteri kemudian meninjau projek Harbour Park Langkawi di Pantai Kok dan mendengar taklimat ringkas daripada pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang merupakan salah seorang perunding projek itu.

Projek yang berkonsepkan Mediterranean itu menggabungkan pembinaan marina, hotel dan kawasan perumahan.

Marina yang dibina kelak boleh memuatkan lebih 100 kapal layar di pantai yang terletak dalam kawasan Teluk Burau yang akan dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi.